



"The Entrepreneurial University"

Portal Rasmi
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bahasa Melayu English Lain-lain | ●●●

Carian...

Staf
Email Staf
Portal Staf

[Utama](#)

[Info UMK](#)

[Pra-Siswazah](#)

[Pascasiswazah](#)

[Fakulti /Pusat](#)

[Fakulti Keusahawanan & Perniagaan](#)

[Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan](#)

[Fakulti Perubatan Veterinar](#)

[Fakulti Industri Asas Tani](#)

[Fakulti Sains Bumi](#)

[Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah](#)

[Pusat Pengajian Siswazah](#)

[Kampus](#)

Laman Facebook Alumni

Laman Web HEPA

Pelajar

[Utama](#) ▶ [Berita Terkini](#) ▶ [Syarikat GLC dan swasta perlu beri tumpuan soal integriti](#)

Syarikat GLC dan swasta perlu beri tumpuan soal integriti



PEMIMPIN syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan swasta di negara ini dinasihatkan mengamalkan integriti yang tinggi dalam sebarang urusan perniagaan untuk mengelakkan terjejasnya keyakinan pelabur serta terbantutnya usaha kerajaan dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Presiden Institut Akauntan Malaysia (MIA), YBhg. Dato' Mohd Nasir bin Ahmad, berkata, aspek ini penting dalam meningkatkan lagi pendapatan syarikat sekaligus dapat menjayakan program GTP yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk mencapai kedudukan negara berpendapatan tinggi.

Beliau berkata, walaupun majoriti syarikat yang beroperasi di negara ini beramanah dan mematuhi peraturan dalam pengurusan tetapi wujudnya beberapa syarikat yang dibaratkan seperti "kerbau yang membawa lumpur" terutamanya syarikat yang ada kepentingan dalam kerajaan akan mencemar nama baik negara ini di mata pelabur.

"Situasi ini sangat menyedihkan kerana ia boleh mengganggu prestasi syarikat kerana terdapat sebilangan mereka gagal mematuhi peraturan dan tidak mengamalkan etika yang betul dalam urusan perniagaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas berucap pada Program Chairman Lecture Series (CLS) kali ke-15 anjuran Universiti Malaysia Kelantan (UMK), baru-baru ini.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Madya Abdul Aziz bin Ab. Latif dan Pengarah Hubungan Korporat dan Strategik UMK, YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran binti Muhammad.

Sementara itu, Dato' Mohd Nasir menyatakan bahawa antara sikap seorang pemimpin ialah mempunyai pengetahuan dan tanggapan

terhadap tanggungjawab di atas setiap tindakan, keputusan, polisi dan lain-lain.



Menurut beliau, aspek ini termasuklah kewajipan untuk melaporkan, menerangkan dan menjawab segala kesan yang timbul di atas sesuatu perkara.

"Pemimpin merupakan agen pembaharuan dalam mempertingkatkan prestasi di bawah organisasi yang dipimpinnya. Oleh demikian, apabila seseorang pemimpin membawa perubahan, itu akan membawa kepada perubahan sikap yang diamalkan di dalam sesebuah organisasi," jelas beliau dalam ceramah bertajuk Leadership and Accountability.

Tambah beliau, dalam konteks pengurusan korporat pula setiap pemimpin perlu mempertimbangkan kepentingan ke semua pihak yang terlibat seperti pemegang saham, pekerja, dan juga penghutang.

"Dalam sektor ini, pemimpin itu memainkan peranan penting dan perlu mempunyai kemampuan untuk menyampaikan visi dan hala tuju korporat kepada semua pihak berkepentingan," katanya.

Pada majlis itu, Prof. Dr. Nik Maheran turut menjelaskan bahawa kepimpinan merupakan proses di mana seseorang berkeupayaan untuk mempengaruhi orang lain untuk mencapai objektif dan mengarahkan organisasi ke arah yang dapat menjadikan badan organisasi tersebut lebih berdaya saing.

"Oleh itu, adalah sangat penting dalam kepimpinan korporat untuk mewujudkan situasi menang-menang kepada semua pihak berkepentingan terutamanya untuk kepentingan syarikat dan kepentingan masyarakat setempat," ujarinya ketika mengupas kandungan ceramahnya berkenaan teori pengawasan atau dikenali sebagai 'Stewardship Theory'.



Bilangan Pelawat :
297652

[Penafian](#)
[Dasar Privasi](#)
[Dasar Keselamatan](#)
[Soalan Lazim](#)
[Hubungi Kami](#)
[Bantuan](#)
[Peta Laman](#)

Hakcipta © 2012 Portal Rasmi Universiti Malaysia Kelantan.
 Paparan Terbaik Mozilla/Firefox/IE/Safari/Camino/Opera Friendly
 Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan
 Tel : +609 - 7717000
 Fax : +609 - 7717022
 Email : webmaster@jumk.edu.my
 Tarikh Kemaskini: 05/11/2012, 00:33:29.